

**ASAS APRESIASI SENI DARI PERSPEKTIF FORMALISTIK,
RUPA DAN MAKNA**
***THE BASICS OF ART APPRECIATION FROM A FORMALISTIC
PERSPECTIVE, APPEARANCE AND MEANING***

Noor Enfendi bin Desa¹
Noor A'yunni binti Muhamad²
Syed Alwi Syed Abu Bakar³
Azian Tahir⁴

^{1,2,3,4}*Jabatan Seni Halus, Fakulti Seni Lukis & Seni Reka,
Universiti Teknologi MARA, Cawangan Perak, Kampus Seri Iskandar,
32610 Seri Iskandar, Perak, Malaysia*

¹*enfendi@uitm.edu.my*; ²*noora691@uitm.edu.my*; ³*syeda214@uitm.edu.my*; ⁴*azian572@uitm.edu.my*
Tarikh dihantar: 26 April 2021 / Tarikh diterima: 29 September 2021

ABSTRAK

Penyelidikan ini adalah mengenai cara untuk mengamati atau menghayati karya seni. Sebuah karya seni mempunyai nilai estetika tersendiri bagi sesuatu karya seni itu bergantung pada falsafah atau gaya berfikir seseorang seniman dalam menyampaikan kepada masyarakat tentang makna karyanya. Estetika merupakan cabang falsafah yang mengkaji tentang keindahan yang terzahir di muka bumi ini (*Kamus Dewan Edisi Keempat*, 2007). Penyelidikan ini terbahagi kepada dua bahagian utama iaitu menghuraikan definisi terhadap istilah dan memperincikan karya seni yang dipilih. Penghuraian ini akan dibahagikan kepada tiga bahagian iaitu definisi terhadap istilah, definisi terhadap gaya, idea dan konteks. Penyelidikan ini menggunakan kaedah teori kritikan seni yang diperkenalkan oleh Edmund Burke Feldman (1994) untuk mentafsir maksud dan konteks yang disampaikan dalam karya seni seseorang artis. Menurut Barret (1994), kritikan seni adalah merujuk kepada makna dan pertimbangan yang kritikal terhadap karya seni yang dipertontonkan. Menurut Ahmad Suhaimi Mohd Noor dan Jamilah Omar (2008), karya seni akan lebih bermakna dengan sentuhan maksud yang ingin disampaikan dalam karya tersebut.

Kata kunci: Estetika, teori, kritikan, karya seni, konsep seni.

ABSTRACT

The purpose of this study is to understand how to perceive and appreciate works of art. A work of art has its unique aesthetic worth, which is determined by the artist's philosophy or manner of thought when transmitting to society the meaning of his work. Aesthetics is a subfield of philosophy concerned with the study of the beauty found

on this globe (Kamus Dewan Edisi Keempat, 2007). This research is divided into the two sections, the first of which discusses the phrase in further detail, and the second of which analyzes the chosen artwork. This description will be separated into three sections: terminology definition, style, and idea definition, and context definition. The purpose of this research is to interpret the message and context communicated by an artist's artwork using the approach of art criticism theory introduced by Edmund Burke Feldman (1994). According to Barret (1994), art criticism is a term that refers to the interpretation and analysis of the artwork on exhibition. According to Ahmad Suhaimi Mohd Noor and Jamilah Omar (2008), artworks that have a message will be more meaningful.

Keywords: *Aesthetics, theory, critique, artwork, concept art.*

PENGENALAN

Sesebuah karya seni yang dipersembahkan atau dipamerkan oleh seniman mempunyai maksud yang ingin disampaikan atau dikongsi bersama penonton. Karya seni mempunyai nilai estetika tersendiri mengikut persepsi seseorang seniman bagaimana untuk menyampaikannya kepada masyarakat. Karya seni terhasil daripada tindak balas pemikiran seniman untuk menyampaikan apa yang berlegar dalam fikiran mereka. Kemudiannya, idea tersebut diterjemahkan melalui penggunaan visual, teknik dan bahan yang sesuai untuk karya mereka. Dari situlah, cara mengamati karya perlu dilakukan oleh bagi memahami penyampaian karya tersebut.

Proses pengamatan sesebuah karya perlu difahami dengan meneliti definisi istilah, seni dan gaya (*art and style*), seni dan idea (*art and idea*), dan seni dan konteks (*art and context*). Artikel ini turut menggariskan aspek dalam memahami ikonografi dalam seni, naratif, metafora dan semiotik dalam karya. Karya akan dihayati dengan teori yang diperkenalkan oleh Edmund Burke Feldman (1994) untuk mentafsir maksud dan konteks yang disampaikan dalam karya seni seseorang artis. Beliau menggariskan empat langkah bagaimana untuk mentafsir karya, iaitu penerangan (*description*) memberi gambaran nyata tentang apa yang dilihat dalam karya, manakala analisis (*analysis*) menyenaraikan bukti visual secara terperinci, interpretasi (*interpretation*) membuat penjelasan makna, tujuan dan kesan dalam karya tersebut, dan yang terakhir adalah penilaian (*judgement*) membuat pandangan atau pendapat serta keputusan berdasarkan pemerhatian yang menyeluruh dalam karya.

DEFINISI ISTILAH

Definisi istilah adalah menentukan gaya, idea dan konteks secara keseluruhan dan penggunaan istilah dalam terma seni. Umumnya, adalah perlu dipersoalkan berkenaan apakah yang dimaksudkan dengan seni? Menurut *Kamus Dewan Edisi Ketiga* (1997), seni bermaksud halus iaitu kecil, elok dan tipis, malah enak didengar (mengenai suara). Seni ditakrifkan sebagai karya merangkumi sajak, lukisan, muzik dan lain-lain lagi yang dihasilkan dengan penglibatan bakat atau kecekapan. Menurut *Ensiklopedia Malaysian* (1996), seni ialah satu istilah yang digunakan bagi menggambarkan keindahan pada pandangan pancaindera manusia sama ada melalui penglihatan atau pendengaran. Menurut Imam Al-Ghazali, seni itu indah dari sudut pandangan kecantikan dan keindahan, dalam buku M.A.J. Beg, *Fine Arts in Islamic Civilization* (1981), manakala menurut *The Oxford Paperback Dictionary* (1989), seni adalah penghasilan sesuatu yang indah: kemahiran atau kemampuan dalam menghasilkan karya tersebut. Karya seperti lukisan atau patung juga dihasilkan dengan kemahiran.

Hal ini dapat dirumuskan bahawa seni adalah bersifat yang tidak tetap dan ditafsirkan secara besar-besaran jika melibatkan kemahiran manusia. Sungguhpun begitu, bukan semua penglibatan kemahiran manusia boleh dianggap sebagai karya seni kerana karya seni memerlukan penghayatan dan juga pengaruh emosi dalam penghasilan karya seni tersebut. Boleh dikatakan bahawa pada zaman yang serba canggih ini, seni telah berkembang sehingga tiada terbatas dalam penghargaan terhadap seni. Tidak semua karya seni diukur dengan keindahan mata atau emosi yang terkandung di dalamnya, tetapi berdasarkan kepada persepsi penonton terhadap penerimaan kefahamannya. Seni adalah apa sahaja yang berada berhampiran atau sekeliling kita tetapi bergantung kepada penerimaan oleh setiap individu berdasarkan apa dan bagaimana difikirkan.

GAYA

Gaya (*style*) berasal daripada perkataan bahasa Latin, iaitu *Stylos* atau *Stylus* dan asalnya penerangan berkenaan cara penulisan. Kefahaman tersebut kemudiannya diterjemahkan bagi kelayakan penulisan. Gaya didefinisikan sebagai cara penulisan atau pertuturan, cara pembuatan, terutamanya yang menjadi ikutan pada sesuatu zaman atau seseorang (*Kamus Dewan Edisi Keempat*, 2007). Gaya memberikan kefahaman terhadap makna dan bentuk dalam karya. Ia adalah bagaimana untuk mengenal pasti di mana karya seni visual berkembang. Oleh itu, gaya mempunyai tempatnya tersendiri, sementara karya seni adalah bentuk yang menyeluruh dengan menampakkan gaya atau “*style*” yang digunakan.

Menurut *Kamus Umum Indonesia* (1976), “Gaya adalah corak (rupa, bentuk dan sebagainya) yang khusus, pelbagai, cara, tingkah laku, cara dan irama (berbunyi, berkata dan sebagainya)”. Gaya juga ditakrifkan sebagai pendekatan kepada teknik penciptaan seni tertentu.

Gaya merupakan pendekatan kepada individu dalam membuat keputusan. Umumnya dalam seni, gaya merupakan suatu ungkapan yang tindakannya bersifat menyuluruh. Dari sudut seni visual dinyatakan bahawa “gaya adalah cara yang khas, dan dapat dikenali, di mana suatu tindakan dilakukan dan artifak yang terhasil” (Gombrich, 1968). Menurut Ferni (2005) pula, “Gaya adalah cara khas yang membolehkan kumpulan karya menjadi kategori yang berkaitan”.

Pernyataan ini mempunyai persamaan, walaupun berbeza sudut pandangan. Gaya adalah cara tersendiri dalam proses penghasilan karya yang telah diperakui kategori hasilnya. Oleh itu, boleh dirumuskan bahawa gaya adalah cara bagaimana kita mengkategorikan proses penghasilan karya tersebut. Ia digunakan oleh kelompok individu mengikut ketetapan yang telah diusulkan. Penulis mencadangkan bahawa penggayaan seni adalah pendekatan atau prinsip untuk penghasilan karya seni. Hal ini termasuklah dari segi penggunaan media, teknik, subjek kajian mahupun bentuk penyampaian dalam mempersembahkan karya. “Dalam seni, gaya mempunyai pengiktirafan yang luas daripada semula jadi dan bersifat yang sebenarnya dalam persembahan yang bersifat mujarad (*abstract*) ataupun separa mujarad (*semi-abstract*)” (Muladi, 2004). Bermakna, faktor penggayaan adalah merujuk kepada pengkarya itu sendiri bagaimana beliau menonjolkan idea dalam bentuk visual. Karya seni tidak dikategorikan melalui format atau bahan yang digunakan, sebaliknya penggayaan dizahirkan melalui persembahan oleh pengkarya itu sendiri. Gaya yang disampaikan boleh dianggap apa sahaja yang difikirkan, mengikut kepercayaan setiap individu itu sendiri. Perlu diingat, pernyataan karya kekal melalui pengkarya itu sendiri walaupun terdapat pandangan peribadi daripada audiens.

IDEA

Idea adalah manifestasi kebolehan akal manusia. Manusia yang berakal secara semula jadi memiliki idea melalui akal fikiran. Idea tidak boleh dilihat, dipegang, dirasai dan disentuh, ia bersifat abstrak. Melalui idea, bermacam-macam boleh diterjemahkan hingga menjadi sebuah karya. Menurut Stout dan Baldwin (1901), idea adalah proses penjelmaan semula sama ada berlebihan atau berkurangan. Tiga peringkat kaedah penjelmaan idea iaitu bersifat tunggal, abstrak atau mujarad dan kompleks atau rumit. Berdasarkan pemikiran umum, sesuatu yang

terhasil secara langsung dianggap sebagai idea tunggal, manakala idea abstrak pula terhasil secara tidak langsung dan berdasarkan pengalaman visual. Idea kompleks terhasil melalui gabungan pelbagai aspek. Contoh pembahagian idea dapat dilihat pada Jadual 1.

Jadual 1 Visual mentakrifkan jenis-jenis idea yang dikeluarkan

Jenis Idea	Idea	Pengeluaran Semula Imej
Idea Tunggal	Kerusi	 <p>Rajah 1 Kerusi I Sumber: https://qdmeixuan.en.made-in-china.com/</p>
Idea Abstrak	Kerusi	 <p>Rajah 2 Kerusi II Sumber: https://www.casateak.com/product/teak-rocking-chair/</p>
Idea Kompleks	Kerusi	 <p>Rajah 3 Kerusi III Sumber: http://ujtyiy.blogspot.com/2011/02/beautiful-unusual-wooden-chairs-designs.html</p>

Dalam Jadual 1, imej-imej yang dipilih adalah berdasarkan kepada jenis idea yang digunakan. Sebagai contoh, sekiranya diminta kepada sekelompok individu menghasilkan kerusi dan semestinya akan mendapat hasil yang berbeza berdasarkan ideologi fikiran mereka. Dari dapatan ini, dapat mengenal pasti jenis pengeluaran idea dan dikenali sebagai pendekatan atau “*isme*” yang digunakan oleh pengkarya. “*Isme*” merupakan usaha dalam menyelesaikan rekaan dengan menjelaskan pendekatan berekspresi (Moholy – Nagy, 1926). Maka, idea yang dihasilkan dalam karya dikenali sebagai “*isme*”. Penulis mencadangkan bahawa “*isme*” adalah teori sesuatu idea yang digunakan oleh pengkarya dalam mencipta perasaan yang ditonjolkan dalam bentuk visual. Sebagai contoh, Seni Pop (*Pop Art*) seperti diketahui umum adalah aliran seni visual yang berkaitan dengan seni dalam penggunaan imejan, objek, atau gambaran suasana yang dilakukan pada ketika itu.

KONTEKS

Konteks bermaksud ayat yang ditentukan atau memperlihatkan maksud perkataan yang tersirat di dalamnya, atau kesemua keadaan, atau perihal tertentu yang berkaitan, atau berhubung dengan sesuatu (*Kamus Dewan Edisi Keempat, 2007*). Dalam erti kata yang lain, konteks adalah penetapan untuk acara, pernyataan atau buah fikiran yang mudah difahami sepenuhnya. Konteks secara umumnya adalah tentang ketetapan, buah fikiran atau pernyataan yang bersangkutan dengan pertuturan, persekitaran atau situasi.

Konteks berdasarkan kefahaman seni, amat berlainan kerana tiada kaitan dengan pertuturan setempat, namun merujuk kepada situasi semasa, lokasi dan ruang. Dey (1998) berpendapat konteks sebagai keadaan emosi pengguna, tumpuan perhatian, lokasi dan orientasi, tarikh dan masa, benda, dan orang dalam persekitaran pengguna. Menurut Robert J. Belton (1996), konteks dalam seni bermaksud keadaan yang berbeza di mana penghasilan karya seni telah dihasilkan atau diperjelaskan. Konteks adalah berkait dengan persekitaran, masa, lokasi dan ruang di mana karya tersebut dihasilkan. Konteks kemungkinan berubah mengikut keadaan bagaimana karya tersebut dihasilkan berdasarkan kepada ketetapan dan buah fikiran yang ingin ditonjolkan. Oleh itu, konteks terbahagi kepada dua dalam mentafsir karya iaitu lantaran dihasilkan dan kandungan penyampaian karya. Walau bagaimanapun, dalam seni konteks berperanan mentafsir karya itu sendiri.

IKONOGRAFI DALAM SENI

Tujuan ikonografi adalah untuk menghuraikan, mengenal pasti, mengklasifikasikan dan menjelaskan objek visual berkaitan dengan usaha untuk memahami makna dalam kajian keagamaan yang tidak biasa menggunakan ungkapan simbolik. Teori ini digunakan untuk membongkar makna imej yang mempunyai jarak/masa - lebih pada perspektif sejarah. Ikonografi adalah deskripsi dan klasifikasi, manakala ikonologi adalah pengenalan; Erwin Panofsky (1955).

Ikonografi menerangkan tentang penggunaan objek atau tanda dan penyampaian makna yang diterima. Panofsky mengaitkan dengan penceritaan situasi yang kawannya menegur beliau dengan mengangkat topi sebagai tanda bertegur sapa. Melalui perbuatan tersebut, Panofsky menyatakan itu adalah tanda dan makna. Mengangkat topi adalah tanda yang diamalkan oleh sesetengah masyarakat sebagai tanda hormat, bertegur sapa, bermesra atau tanda sopan santun. Namun begitu, pemahaman terhadap objek atau tanda dan penyampaian makna tertakluk kepada penerimaan budaya setempat.

Panofsky juga mentakrifkan makna kepada tiga peringkat dalam menerangkan sesebuah karya seni. Pertama, keterangan berkenaan pra-ikonografi, iaitu menangkap makna utama (*primary*) karya tersebut dengan mengenal pasti keaslian rupa bentuk, iaitu mengenal pasti garisan, rupa, bentuk, jalinan serta warna. Bentuk-bentuk tersebut dianggap mewakili objek semula jadi. Kedua, analisis ikonografi mengkaji makna dengan menggunakan peraturan yang diperakui oleh penggiat seni. Bermakna, analisis yang menerangkan maksud karya seni dari sumber literatur. Memfokuskan pada makna yang berkaitan dengan imej, sejarah dan perumpamaan. Ketiga, tafsiran ikonologi adalah cara untuk mendalami karya seni menerusi penentuan kandungan makna dengan mendedahkan apa yang terkandung di dalamnya. Ia adalah berkaitan mentaliti budaya asas yang membuktikan budaya lain (sains, agama, falsafah, ideologi) kerana seni adalah merujuk kepada keadaan semasa. Ikonologi, menurut Gombrich (1972), melibatkan pembinaan semula keseluruhan program dan merangkumi lebih daripada satu teks terkandung dalam konteks yang merangkumi budaya serta penetapan seni. Menurut Schneider-Adams (1996), pendekatan ikonografi untuk karya seni terutama mempertimbangkan makna subjek kajian.

Takrif untuk ikonologi pula ialah “ikonografi yang telah ditafsirkan” menggunakan bahan yang sama dalam pengertian sumber-sumber sastera, kedua-dua bahagian ini sangat saling berhubung kait. Walaupun kedua-duanya penting, kandungan yang difahami dan memberi tumpuan kepada dokumen-dokumen

kebudayaan dalam pendekatan retrospektif yang tidak mengiringi interaksi langsung dan masuk akal dengan tempoh dianalisis (kaedah Panofsky (1955), memberi tumpuan kepada seni yang “mengimbangi naturalisme dan idealisme” dalam naratif yang luas dalam subjek kesusasteraan, iaitu kata Renaissance Itali dan lukisan Belanda pada abad ke-15), ikonologi tidak menyiratkan sokongan teks sebenar, ia berinovasi dengan menggabungkan data sejarah ke dalam pemahaman intelektual yang kreatif dan intuitif tentang naratif-naratif yang penting dalam kebudayaan, dengan penemuan semula zaman kewujudan manusia. Ikonologi melampaui artikulasi ikonografi dan bukannya menjadi asas analisis dengan cara ikonografi yang sama menyampaikan data yang tidak sempurna (walaupun ia mendasari proses mencipta semula objek sejarah), tetapi ia bukan tahap terakhir, proses itu hanya mengarahkan arahan dan mengenal pasti hubungan paradigmatic antara seni dan kesusasteraan.

NARATIF

Menurut *Kamus Dewan Edisi Keempat*, naratif bermaksud penceritaan yang mengisahkan peristiwa berdasarkan pengalaman yang disampaikan dengan kajian saintifik tentang bahasa. Naratif juga didefinisikan sebagai sesuatu penceritaan dengan pengayaan yang hampir sama dengan karangan kebiasaan, atau puisi yang bersifat penceritaan.

Karya bersifat naratif jika di dalamnya terdapat hubungan antara dua atau lebih elemen yang membina cerita. Unsur rupa yang dimaksudkan adalah peristiwa, watak, komposisi (ruang), plot (masa) dan sudut pandang. Elemen-elemen ini boleh berganding selari dengan apa yang terdapat dalam karya sastera (puisi dan syair) oleh kerana istilah naratif itu sendiri pada awalnya mempunyai ranah dalam disiplin ilmu kesusasteraan. Walau bagaimanapun, pada peringkat seterusnya, karya seni mestilah dibezakan oleh kesusasteraan. Karya seni menceritakan kisah melalui penggunaan simbol visual dan memerlukan pemahaman lanjut tentang teks sastera bahasa lisan. Oleh itu, naratif dalam seni ini boleh dirujuk sebagai naratif simbolik, penceritaan dibina melalui hubungan antara unsur seni. Naratif dalam karya seni juga lebih banyak terbangun secara tersirat atau terbina oleh audiens setelah melihat karya (*after image*).

“narrative is present at all times, in all places, in all societies; indeed narrative starts with the very history of mankind; there is not, there has never been anywhere, any people without narratives; all classes, all human groups have their stories...”

(Roland Barthes, 1975)

“Stories can openly declare themselves as stories, or they can be hidden. When we choose to be in the company of a story by reading a novel or seeing a film, the narrative sets itself off as a narrative, not as apart of our lives; we stand in relation to it as audience to its “performance” as an aesthetic work. However, the storytelling we experience as an event in life can lose its appearance as narrative by virtue of its integration in life.”
(Young & Saver, 2001)

METAFORA

Definisi metafora adalah penggunaan kata-kata yang tidak menyatakan sesuatu secara langsung. Dalam metafora, konsep perancangan ungkapan dan mengenal pasti hubungan atau benda-benda yang bersifat mujarad daripada sifat yang sebenar. Benda yang nyata diubah dan diperkukuhkan dengan imaginasi individu yang berfikir.

Metafora berasal daripada bahasa Yunani, *‘metapherin’* iaitu *‘meta’* ialah atas, manakala *‘pherin’* pula bermaksud *‘diangkat’*. Maksud tersebut adalah merujuk kepada kajian saintifik berkenaan penggunaan bahasa, di mana sesetengah karakter sesuatu perkara *‘diangkat ke atas’* atau memindahkan kepada objek yang lain. Oleh hal yang demikian, perkara yang kedua diperkatakan seakan-akan berada di tempat pertama. Penggunaan kata-kata dalam metafora adalah membangkitkan makna yang lain dari makna yang tersurat. Menurut Lakoff dan Johnson (1980), ia memberikan kesan yang ketara terhadap kajian semantik kognitif terutamanya metafora. Turut ditegaskan bahawa dalam kehidupan seharian kita, metafora wujud dalam pemikiran dan tindakan melalui penyampaian bahasa.

Metafora melambangkan maksud yang berlainan daripada ekspresi yang dibicarakan. Metafora adalah bersifat menyeluruh, iaitu perumpamaan yang digunakan untuk menyampaikan sesuatu, namun menyatakan dengan ciri-ciri yang biasanya berkait dengan yang lain. Oleh itu, objek pertama dapat dijelaskan secara tersurat, manakala maksud yang tersirat dari objek kedua berperanan untuk meningkatkan penjelasan kepada objek yang pertama. Penyampaian metafora dimanfaatkan dalam bidang kesusasteraan, terutamanya dalam penyampaian puisi, di mana dengan penggunaan kata-kata yang menggambarkan emosi dan menghubungkan dari satu objek dapat dikaitkan dengan objek lain.

Metafora melambangkan aspek keindahan dalam penyampaian maksud. Ia bukan sekadar keindahan bentuk, sebaliknya bersifat estetika yang berkait dengan keindahan tentang isi, makna dan rasa pada umumnya. Lantas, ia

menghidupkan suasana, perasaan, situasi dan memperluaskan rasa kepekaan terhadap makna dan erti. Ia merupakan cara yang berkesan dalam menyampaikan sesuatu maksud. Penggunaannya berhubung kait dengan kepercayaan, resam dan masyarakat. Penerimaannya pula adalah berdasarkan kepada pengalaman bahasa dan bersifat kenyataan. Selain itu, ia menggambarkan kehalusan budi dan pekerti masyarakat dalam menyampaikan nasihat atau teguran secara berhemah bagi menjaga hati ahli masyarakat agar tidak terguris mahupun berkecil hati. Penggunaan gaya bahasa metafora masih menjadi amalan dalam kelompok masyarakat, terutamanya masyarakat Melayu sehingga hari ini.


SEMIOTIK

Semiotik bermaksud tanda yang diambil daripada bahasa Yunani iaitu “*semeion*”. Menurut Broadbent (1980), tanda merupakan penyampaian maklumat sehingga sifat komunikasi mampu menggantikan sesuatu dengan apa yang difikirkan atau dibayangkan. Semiotik adalah pengetahuan tentang sistem tanda atau prinsip berkenaan tanda. Biasanya semiotik ditakrifkan sebagai teori falsafah yang lazimnya berkenaan dengan penggunaan atau penghasilan tanda dan simbol sebahagian daripada kaedah komunikasi rahsia dalam menyampaikan maklumat. Boleh disimpulkan bahawa semiotik juga merangkumi tanda visual dan lisan.

Istilah semiotik lazim diguna pakai oleh penyelidik dari Amerika, manakala di Eropah menggunakan istilah semiologi. Bagi Van Zoest (1993), semiotik merupakan pengetahuan berkaitan dengan pengkajian tanda dan segala yang berkaitan dengan tanda seperti sistem tanda dan proses yang berlaku bagi tanda. A. Teew (1984) mentakrifkan semiotik merupakan tanda untuk tindakan komunikasi dan disempurnakan menjadi rujukan sastera yang dipertanggungjawabkan dari semua sudut dalam kefahaman bidang kesusasteraan sebagai perantara komunikasi yang khusus dalam kalangan kelompok individu.

Asalnya semiotik (*semeion*) dalam istilah Yunani adalah merujuk kepada sains yang pengkajiannya merujuk tentang kaedah isyarat atau aturan simbol dalam komunikasi manusia. Dengan merujuk kepada pentakrifan ini, terbentuk perkataan semiotik, iaitu kajian sastera bersifat saintifik dengan pengkajian kaedah isyarat yang berkaitan dengan persepsi dalam karya. Tidak sekadar meliputi aturan bahasa tetapi juga merangkumi ketetapan visual termasuklah imejan, lukisan, ukiran dan segala yang bersifat tampak.

KRITIKAN SENI EDMUND BURKE FELDMAN



Rajah 4 Carta alir membaca karya menggunakan panduan kritikan seni oleh Edmund Burke Feldman

Penulisan ini akan mengikuti panduan kritikan karya seni yang diperkenalkan oleh Edmund Burke Feldman. Edmund Burke Feldman (1987) ialah salah seorang Sarjana Falsafah Seni yang telah membina beberapa langkah mudah dalam proses menganalisis karya seni yang merangkumi proses Penerangan, Analisis, Tafsiran dan Penilaian (Boachie, 2015).

Proses penerangan (*Description*) adalah proses pemerhatian terhadap apa yang dilihat oleh penulis dalam karya seni yang dipilih. Pemerhatian yang dibuat adalah pemerhatian objektif tanpa gangguan penilaian peribadi individu. Pemerhatian terhadap karya seni lebih kepada pemerhatian asas seperti objek atau subjek yang digunakan, keterangan karya secara bertulis, tajuk karya dan pernyataan ringkas latar belakang artis (Subramaniam, Hanafi & Putih, 2016). Menurut Feldman (1987), analisis (*Analysis*) adalah fasa di mana ia menekankan pada pemahaman elemen dan prinsip reka bentuk karya seni dan dengan itu menggabungkan pemahaman dengan maklumat yang cuba disampaikan dalam karya seni itu sendiri. Ia lebih kepada menggambarkan bagaimana karya itu disusun dalam keseluruhan proses menghasilkan karya seni dengan merujuk kepada persamaan dan kepelbagaian serta mengenal pasti penekanan dan fokus karya seni (Jones, 2008; Subramaniam, Hanafi & White, 2016).

Tafsiran (*Interpretation*) adalah fasa ketiga dalam membaca karya seni. Tafsiran berkaitan dengan perihalan persoalan mengenai apa yang ingin disampaikan oleh artis dalam penghasilan karya seninya. Ia adalah fasa untuk memahami bahasa ekspresif yang disampaikan oleh artis dalam menggambarkan visual karya seni mereka. Ia berkait rapat dengan penerokaan idea atau memahami kesesuaian peristiwa tertentu dalam naratif karya seni (Jones, 2008; Subramaniam, Hanafi, Putih, 2016).

Akhirnya, langkah kritikan karya seni adalah proses penilaian (*Judgement*). Dalam fasa penilaian ini, penulis akan menerangkan kualiti karya seni yang dipilih dari segi kelemahan atau kekuatan karya seni. Proses penilaian ini bertujuan

untuk mengenal pasti sama ada karya seni yang dihasilkan berjaya mencipta identiti sendiri atau kesahihannya diragui (Jones, 2008, Subramaniam, Hanafi & Putih, 2016).

KARYA PILIHAN

Karya yang dipilih adalah secara rawak dengan menggunakan teori kritikan seni yang diperkenalkan oleh Edmund Burke Feldman bagi membuat proses apresiasi karya. Pemilihan dimulakan dengan urutan yang pertama iaitu menyenaraikan semua maklumat yang terdapat pada karya tersebut dari segi penggunaan imej atau objek yang terlihat pada karya secara langsung. Pada peringkat ini juga, perlu dilihat pada semua aspek termasuklah tajuk karya, saiz, bahan dan tahun karya dihasilkan.

Seterusnya, peringkat kedua adalah menganalisis unsur dan prinsip seni yang terdapat pada karya tersebut. Langkah yang ketiga adalah membuat tafsiran tentang apa yang ingin disampaikan oleh pengkarya melalui karya tersebut. Akhir sekali, kaedah penilaian dibuat melalui rumusan dari tiga peringkat terdahulu iaitu penerangan, analisis dan tafsiran. Penilaian dibuat berdasarkan kefahaman tentang pengayaan yang digunakan dalam penyampaian karya. Dengan cara ini, kita dapat mengklasifikasikan dan menjelaskan masalah dari segi gaya, idea dan konteks (latar belakang).

KARYA 1



Rajah 5 “*Powerless*”, Samsudin Wahab, 2008, Media campuran atas kanvas, 83 cm x 152 cm.

Sumber: Katalog Pameran Solo “*ENOUGH*”, 2008, TAKSU GALLERY, Kuala Lumpur.

Kaedah apresiasi karya, teori kritikan seni antara salah satu kaedah terbaik dalam meneliti dan membaca karya. Dengan merujuk kepada karya yang bertajuk “*Powerless*” oleh Samsudin Wahab, beliau menggunakan imej tipografi perkataan

“POWERLESS” sebagai latar belakang karya tersebut, dan menggambarkan cimpanzi memakai pakaian rasmi dengan gambar dua cimpanzi sedang bermain tujuh ‘juggle’ dengan membaling ke atas. Imej tersebut diletakkan di tengah-tengah karya, dan akhirnya artis menggunakan imej awan kelabu sebagai objek hadapan. Perkara yang perlu turut disenaraikan juga pada karya ini adalah keterangan karya. Karya ini menggunakan media campuran atas kanvas, bersaiz 83 cm x152 cm dan dihasilkan pada tahun 2008.

Proses menganalisis karya diambil kira dalam menghuraikan penggunaan adaptasi unsur dan prinsip seni. Padanan unsur garisan yang menampakkan garisan mendatar menjadi kesan khas pada karya. Garisan beralun yang membentuk awan dan padanan pada imejan cimpanzi. Unsur rupa turut digunakan karya ini, iaitu awan mewakili rupa organik dan rupa geometrik pula ditunjukkan pada perkataan “POWERLESS”. Unsur bentuk ditunjukkan dalam penggunaan imej cimpanzi dan ‘juggle’. Penggunaan warna sejuk diseimbangkan dengan warna panas yang ditegaskan pada perkataan “POWERLESS” yang berwarna merah, di samping perletakan komposisi subjek kajian di kiri dan kanan karya.

Tafsiran karya dirujuk kepada penggunaan tanda atau makna dalam pemilihan dan perletakan subjek kajian dalam karya ini. Perkataan “POWERLESS” yang membawa maksud “Tiada Berdaya” merujuk kepada kekuatan dan kekuasaan turut diberi penegasan berwarna merah. Sokongan subjek kajian yang ditunjukkan dalam karya iaitu dua ekor cimpanzi yang berpakaian formal; boleh dikaitkan dengan pakaian yang biasa digayakan oleh golongan yang mempunyai kuasa atau golongan pemerintah. Gambaran cimpanzi tersebut diperlihatkan sedang melambung ‘juggle’ seolah-olah membuat pertunjukan sarkas. Visual yang dipertontonkan dapat dikaitkan dengan situasi politik semasa ketika itu. Cimpanzi mewakili subjek utama dalam karya berperanan atau mewakili individu yang berpangkat pemerintah, seolah-olah membuat perlakuan seperti dalam persembahan sarkas, sekali gus menampakkan biasan keadaan situasi politik semasa ketika itu.

Rumusan daripada tiga langkah kritikan seni ini, proses apresiasi karya dilakukan dengan langkah yang terakhir iaitu penilaian. Penilaian dibuat bagi mengetahui makna dan penyampaian visual dalam karya. Samsudin Wahab menggunakan pengayaan “Pop Surelisme” dalam penyampaian karya. Ia dapat dilihat pada penguanaan imej cimpanzi sebagai subjek utama. Namun, sebaliknya karya ini tidak menunjukkan maksud secara langsung. Penelitian terhadap idea yang diketengahkan mendapati imej yang jelas melontarkan atau menggambarkan situasi yang berkaitan dengan politik. Pengayaan “Pop Surelisme” nampak lebih

harmoni dengan gabungan idea abstrak. Daripada penelitian dan pembacaan dapat dirumuskan bahawa karya Samsudin Wahab mempersembahkan unsur sinis dalam karya beliau.

KARYA 2



Rajah 6 “*Fountain*”, Marcel Duchamp, 1917/1964. Seramik bersepuh dan cat hitam, 61 cm x 48 cm x 36 cm.

Sumber: *MINIMAL ART*, Daniel Marzona, 2004, TASCHEN, Amerika Syarikat.

‘*Fountain*’ adalah karya Marcel Duchamp pada tahun 1917/1964. Karya ini adalah tindak balas beliau kepada kesan perang dan tanda kritikan beliau kepada situasi politik ketika itu. Dengan menggunakan tempat pembuangan air kencing dan perletakan sepatutnya berada di dalam tandas, namun diangkat dan dipersembahkan secara umum sebagai sebuah karya seni. Penelitian terhadap penerangan visual bagi karya Marcel Duchamp ini adalah menggunakan bahan tersedia (*ready-made*) dan biasa digunakan oleh orang ramai.

Garisan kaligrafi kelihatan pada permukaan karya menampakkan penggunaan unsur garisan. Bentuk geometrik turut kelihatan dengan gabungan garisan melengkung dan separa bulatan. Reka letak karya ini kelihatan bersahaja dan statik di tengah-tengah pelapik (*padester*). Prinsip perulangan pada permukaan karya jelas menampakkan tempat pembuangan air kencing yang sering terlihat di dalam tandas. Pengekalan warna putih jelas mengesahkan sifat objek tersebut. Beliau menggunakan bahan sedia ada iaitu tempat pembuangan air kencing yang diperbuat daripada seramik bersepuh dan cat hitam. Bersaiz 61 cm x 48cm x 36 cm dan dihasilkan antara tahun 1917/1964.

Berdasarkan pada pemerhatian, ia adalah tindakan terhadap kesan daripada perang dunia yang berlaku. Duchamp mempersembahkan karya yang bersifat kritikan terhadap situasi atau keadaan semasa. Penggunaan objek yang berlainan fungsi adalah isyarat atau simbol metafora yang ingin disampaikan oleh beliau. Jelas dapat dilihat dengan kegunaan sebenar objek yang bersifat kotor (tempat pembuangan air kencing) digarap menjadi sebuah karya seni.

Duchamp menggunakan pengayaan 'Conceptual' dalam mempersembahkan karya beliau. Jelas kelihatan daripada penggunaan bahan tersedia diangkat sebagai sebuah karya yang sarat dengan maksud di sebaliknya. Gabungan pengayaan 'Conceptual' yang diketengahkan jelas dengan perlambangan metafora yang ingin disampaikan menerusi idea tunggal bagi menyampaikan maksud.

KESIMPULAN

Pemilihan Karya Samsudin Wahab "Powerless", 2008 dan "Fountain", Marcel Duchamp, 1917/1964 adalah secara rawak dan dinilai secara progresif dengan menggunakan empat langkah kritikan seni yang diperkenalkan oleh Edmund Burke Feldman bagi memahami sepenuhnya maksud yang disampaikan. Pendekatan kaedah ini sedikit sebanyak memberi panduan kepada masyarakat untuk memahami sesebuah karya di sebalik maksud yang tersirat. Apresiasi karya seni dapat menyumbang kepada dunia penulisan akademik dan dijadikan rujukan dalam penulisan ilmiah berkenaan perkembangan seni Malaysia pada masa akan datang.

RUJUKAN

- . (1993). Research Procedures/Methodology for Artists & Designers. Proceeding Paper.
- . (2004). Visualizing Research: A Guide to the Research Process in Art & Design. England: Ashgate Publishing Company.
- . (2008). Katalog Pameran Solo, "ENOUGH" By Samsudin Wahab. Kuala Lumpur: TAKSU Gallery.
- Aronson, E., & Wilson, T. (2008). *Social psychology* (6th ed.). Upper Saddle River, NJ: Pearson Prentice-Hall.
- Barrett, T. (1994). *Criticizing art: Understanding the contemporary*. Mountain View, California: Mayfield Publishing Company.
- Beg, M. A. J. (1981). *Fine arts in Islamic civilization*. Kuala Lumpur: University of Malaya Press.
- Benjamin, J. (1999). *Politics Aristotle*. Kitchener: Batoche Books.
- Carole, G., & Julian, M. (1995). Appropriate research methodologies for artists, designers & craftspeople: research as a learning process. Proceeding Paper.
- Crispin, S. (2010). *American Society for Aesthetic Winter 2010*, 30 (3): Art & Politics. USA: America Newsletter.

- David, A. (2010). *Evolving news: The Post-Modern Revolution & Anthroposophical Art*. USA: Evolving News. p.27-39.
- Daniel, M. (2004). MINIMAL ART: TASCHEN, Sunset Boulevard. USA- California.
- Eddy, S. (2008). C Arts – Asian Contemporary Art and Culture, Vol.1: Nu Fang Lijun-Cynical Allusions. Singapura: United Publishing Pte. Ltd. p.102-106.
- Elizabeth, G., & Laura, B. (2009). *Creative art research: Narrative of methodologies and practice*. Melbourne, Australia: Sense Publisher.
- Eva, M.G. (2009). Asia Art Archive - Perspective: The politic of play in Malaysian art. Dilayari pada 16 November 2014, daripada www.aaa.org.hk/Diaaalogue/Details/740.
- Feldman, E. B. (1994). *Practical art criticism*. Upper Saddle River, NJ: Prentice Hall.
- Fernie, E. (2005). *Art history and its methods: A critical anthology*. London: Phaidon.
- Gary, C.W. (2007). *Contemporary art: The key issues*. PhD Thesis (Unpublished). University of Melbourne, Melbourne.
- George, L., & Mark, J. (1980). The Metaphorical Structure of the Human Conceptual System. *Cognitive Science*, 4, (195-208). Proceeding paper.
- Gombrich, E. (1968). orig. International Encyclopaedia of the Social Sciences. In D. L. Sills (ed.).
- Mika, H., Juha, S., & Tere, V. (2005). *Artistic research: Theories, methods and practices*. Finland: Academy of Fine Art, Helsinki.
- Moholo-Nagy, L. (1926). *Ismus Oder Kunst (Isms or Art)*. Translated by Sibyl Moholy-Nagy, in Moholy-Nagy, ed. Richard Kostelanetz, New York: Praeger, 1970.
- Muhammad Naguib S.A. (1985). *Islam, secularism, and the philosophy of the future (Islamic futures and policy studies)*. London: Mansell Publishing.
- Muliyadi Mahmood. (2004). *Segerak Yusof Ghani*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd.
- Noresah Baharom. (2007). *Kamus Dewan (Edisi Keempat)*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ocvirk, O. G., Stinson, R. E., Wigg, P. R., Bone, R. O., & Cayton, D. L. (2009). *Art fundamentals theory and practice (11th ed.)*. New York: McGraw Hill.
- Omenaa, A. Boachie, J., & Francis, E. (2015). Arts and design studies a model for critique at the design studio for higher education. *Art and Design Studies*, 37 (2015), 1-10.
- Panofsky, E. (1955). *Meaning in the visual art*. Garden City, NY: Doubleday Anchor Books.
- Paul J. E. (2008). *Living autobiographically: How we create identity in narrative*. Ithaca: Cornell University Press.xv. New York: reprinted in Preziosi, D.
- Subramaniam, M., Hanafi, J., & Putih, A.B. (2016). *Malaysian Online Journal of Educational Technology*, 4 (1), 57-67.